

04 AUG 1998

Mahathir-Ekonomi

BERSATU UNTUK ATASI MASALAH EKONOMI

JOHOR BAHRU, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat negara ini mesti bersatu padu kerana perpaduan akan menolong negara mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi sekarang.

"Kalau tidak ada perpaduan dan ada rusuhan seperti di negara lain, percayalah, kita tidak akan dapat mengatasi masalah yang kita hadapi dan semua rakyat akan menderita," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat sekiranya pihak luar berjaya mencetuskan huru-hara di negara ini, keseluruhan rakyat akan mengalami kesannya.

"Jangan kita terperangkap dengan dakyah mereka kononnya yang menyebabkan masalah ekonomi dalam negara kita ini ialah kerajaan. Sebenarnya yang menyebabkan jatuhnya nilai mata wang ialah pedagang mata wang," kata beliau.

Perdana Menteri berucap pada majlis pertemuan terbuka Perdana Menteri dengan para pemimpin Umno, Barisan Nasional, pertubuhan bukan kerajaan dan para pegawai kanan kerajaan negeri Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya jangan mudah terpengaruh untuk mendapatkan keuntungan cepat dengan menyimpan wang di luar negara yang menawarkan kadar faedah yang tinggi.

"Jangan bawa keluar mata wang kita untuk dapatkan keuntungan jangka pendek sedangkan kita rugi dalam jangka panjang," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu menyimpan wang mereka dalam bank tempatan kerana dengan berbuat demikian negara tidak perlu meminjam wang dari luar dan menghadapi kemungkinan pihak luar menyekat untuk mendapatkan pinjaman.

"Kalau rakyat rela untuk mengumpulkan dana ini dan menyimpan dalam sistem perbankan di negara ini, kita tidak perlu meminjam daripada sesiapa," katanya.

"Masalah yang kita pikul ini amatlah berat, cukup berat. Saya tidak pernah cuba mengurus satu masalah yang lebih berat daripada masalah yang kita hadapi ini.

"Kita biasa menghadapi kejatuhan ekonomi dulu dan kita dapat atasinya tetapi kali ini bila kita cuba mengatasinya, mereka menekan mata wang, menekan nilai saham kita dan mereka menyekat kita daripada mendapatkan pinjaman untuk memulihkan ekonomi negara," kata Dr Mahathir.

"Dulu semasa kita bangun negara mereka tidak pernah tolong sama sekali hari ini mereka cuba rosakkan ekonomi negara kita."

Di sebalik segala rintangan itu, Perdana Menteri berkata Malaysia tetap berusaha mencari kaedah bagi menangani kegawatan ekonomi itu.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak seharusnya membenarkan diri mereka dihasut oleh pihak asing yang berniat untuk menjatuhkan kerajaan dalam usaha kerajaan untuk memulihkan kegawatan ekonomi itu.

Katanya, tindakan pihak asing itu bukan kerana ingin kepada kerajaan yang lebih baik tetapi inginkan keadaan huru-hara berlaku.

"Jika huru-hara berlaku dalam negara kita, maka kita tidak dapat lagi bersaing dengan mereka dan itulah yang mereka ingin lihat. Tetapi alhamdulillah, sementara di negara lain kita lihat bagaimana kerajaan dijatuhkan dan rusuhan berlaku... di negara kita ia tidak berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan itu disebabkan kerajaan telah berjaya

mengimbangkan pembangunan antara kaum di negara ini.
-- BERNAMA
MKO NMO